

ORGANISASI DALAM PERUT:

Satu Kajian Kes Di Kampung Pegoh

Wilayah Naning, Melaka

Oleh

Abu Hasan bin Jaalam

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi
Syarat-syarat Bagi Ijazah Sarjana Muda
Sastera (dengan Kepujian)

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
1974/1975

SINOPSIS

Komuniti matrilineal telah banyak diperbincangkan dalam kaji-lidikan mahasiswa bagi tujuan latihan ilmiah, tetapi kesemua kajian-kajian ini ditumpukan kepada komuniti matrilineal dalam Negeri Sembilan. Kajian tentang komuniti matrilineal di Wilayah Naning khususnya belum mendapat perhatian yang begitu serious dari pengkaji-pengkaji.

Bagi memperluaskan bidang kajian tentang komuniti matrilineal di Wilayah Naning, penulis akan mengkaji perkembangan komuniti ini dari sudut kaji budaya, yang akan ditumpukan dalam kajian Organisasi Dalam Perut. Penulis akan melihat sejauhmanakah perut dapat memainkan peranan untuk mengekalkan perpaduan anggota-anggota dan menyelesaikan konflik. Bagaimanakah penyelesaian ini berguna untuk membuat penyesuaian dengan perubahan politik dan ekonomi. Dalam konteks ini penulis melihat organisasi perut dari dua dimensi iaitu dari segi peranan dan fungsi ketua adat serta individu-individu yang menganggotai satu-satu perut khasnya dan suku amnya.

Bab I sebagai pengenalan, antara lain menghuraikan latar belakang keadaan ekonomi dan keadaan Ilmu Alam di kawasan kajian.

Dalam Bab II penulis membincangkan beberapa konsep penting yang akan menjadi teras perbincangan selanjutnya. Misalnya konsep suku dalam perut, ideologi kesukuan, perut-perut dalam suku, jurai-jurai dalam

perut, anak buah dalam suku dan kedin-kedeh dalam perut. Manakala dalam Bab III kajian ditumpukan kepada "hiraki sosial dan pimpinan dalam perut". Antara lain penulis akan melihat konsep hiraki dalam komuniti Adat Per-Pateh. Dalam membincangkan konsep ini, penulis akan melihat dua bentuk pimpinan iaitu bentuk pimpinan tradisional dan keduanya bentuk pimpinan birokrasi. Bab ini juga membincangkan hiraki pimpinan dalam perut iaitu penulis melihat sejauh manakah peranan buapak dan kedin sebagai ketua bagi satu-satu perut dan jurai mentadbir keseluruhan anak buahnya. Dalam Bab IV, penulis menghuraikan organisasi dalam perut dalam konteks kekeluargaan, perkahwinan dan pemilihan jodoh.

Dalam Bab V penulis melihat peranan perut dalam menyelesaikan sebarang konflik, misalnya konflik yang timbul antara adik beradik berhubung dengan pembahagian tanah pesaka. Sejauh manakah peranan buapak dan kedin dalam menyelesaikan sebarang konflik yang timbul dan bagaimanakah penyelesaian dibuat.

Bab VI menghuraikan adat dan perubahan, satu refleksi dari perubahan-perubahan di peringkat perut. Bentuk perubahan-perubahan yang dilihat ialah dalam konteks susunan dan hubungan kekeluargaan, organisasi ekonomi, semenda menyemenda dan perubahan pimpinan dalam perut.

Bab VII merupakan kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan.

PENGHARGAAN

Dalam membuat kajian ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang yang sedia memberi pertolongan, kerjasama dan bimbingan dan kepada mereka ini semua saya ucapkan terima kasih. Teristimewa sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Mohd. Dahlan Hj. Aman, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam usaha mengawasi penulisan ini, Encik Mohd. Dahlan telah membuat teguran-teguran yang membina dan setelah menyemak kajian ini dengan cara yang penuh teliti, saya telah dapat menyiapkan seperti bentuknya sekarang ini. Dalam keadaan yang sebuk itu Encik Mohd. Dahlan telah dapat juga meluangkan masanya untuk mengawasi penulis. Atas pengorbanan yang dibuat oleh Encik Mohd. Dahlan, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Sidang Othman bin Ibrahim, Hj. Jaalam bin Hj. Idris, Hajjah Nyonya binti Taib, Encik Hitam bin Mula dan penduduk-penduduk kampung Pegoh, atas kerjasama yang diberikan semasa saya berada di kawasan kajian.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Sdri. Zawiah Yussof yang telah banyak memberikan pertolongan dengan tidak mengira masa dan tenaga untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. KEPADANYA sekali lagi

saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Akhirnya terima kasih diucapkan kepada kakitangan pejabat Penghulu Alor Gajah, Pustakawan dan kakitangan perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia kerana kemudahan dan kerjasama yang diberikan. Juga kepada saudara Mohd. Sahir Naim kerana pertolongan beliau menaip latihan ilmiah ini. Kepada semuanya saya ucapkan TERIMA KASIH.

Abu Hasan bin Jaalam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur
Februari, 1975.

SINGKATAN

JMBRAS : Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic
Society

JADUAL

		Halaman
1.	Jadual 1.1 : Banci Penduduk Dan Perumahan Kampung Pegoh Tahun 1970	2
2.	Jadual 1.2 : Bilangan Isi Rumah Mengikut Kampung-Kampung Wilayah Naning, Melaka	7
3.	Jadual 5.1 : Masa Penyelesaian Konflik Di Kampung Pegoh, Wilayah Naning, Melaka	89
4.	Jadual 6.1 : Penggunaan Trektor Dalam Penyediaan Sawah Di Kampung Pegoh	101
5.	Jadual 6.2 : Penggunaan Tenaga Menyeraya Dalam Penyediaan Sawah Di Kampung Pegoh, Wilayah Naning, Melaka	101

KANDUNGAN

	Halaman
SINOPSIS	ii
PENGHARGAAN	iv
SINGKATAN	vi
JADUAL	vii
KANDUNGAN	viii
 BAB I : PENGENALAN	 1
1.1 : Tujuan Kajian	1
1.2 : Kawasan Kajilidik	2
1.3 : Persoalan Pokok	3
1.4 : Hipotesis	4
1.5 : Method Kajilidik	4
1.6 : Ilmu Alam	5
1.7 : Ekonomi	8
 BAB II : KELOMPOK SOSIAL ATAS FAKTOR ADAT	 11
2.1 : Suku Dalam Adat	11
2.2 : Ideoloji Kesukuan	17
2.3 : Perut-Perut Dalam Suku	21
2.4 : Jurai-Jurai Dalam Perut	26
2.5 : Anak Buah Dalam Suku	28
2.6 : Kedir-Kedeh Dalam Perut	37
 BAB III : PERUT DILIHAT DARI SEGI HIRAKI SOSIAL DAN PIMPINAN ..	 39
3.1 : Sistem Pimpinan Tradisional	39
3.2 : Susunan Tadbiran Adat Selepas Kedatangan Inggeris	42

3.3 : Hiraki Pimpinan Dalam Perut	...	...	...	47
3.4 : Buapak	...	...	...	47
BAB IV : ORGANISASI DALAM PERUT	...	...	...	53
4.1 : Kekeluargaan	...	...	...	53
4.2 : Perkahwinan	...	...	...	65
4.3 : Pemilihan Jodoh	...	...	...	80
BAB V : PERUT SEBAGAI SATU MEKANISMA SOSIAL	...	...	...	87
5.1 : Penyelesaian Konflik	...	...	...	87
5.2 : Alternatif Dari Segi Jalan Buntu Dalam Hidup Bersuku				90
BAB VI : ADAT DAN PERUBAHAN SATU REFLEKSI DARI PERUBAHAN-PERUBAHAN .				
DI PERINGKAT PERUT	...	...	...	96
6.1 : Aliran Tua	...	...	...	96
6.2 : Aliran Kaum Belia/Pemuda	...	...	...	97
6.3 : Susunan Kekeluargaan	...	...	...	97
6.4 : Organisasi Ekonomi	...	...	...	99
6.5 : Hubungan Kekeluargaan	..	...	...	102
6.6 : Semenda Menyemenda	...	...	...	103
6.7 : Perubahan Pimpinan	...	...	...	104
BAB VII : KESIMPULAN	...	...	...	105
BIBLIOGRAFI	...	...	...	111
LAMPIRAN : Lampiran 1 : ATURAN HUKUM BUNUH	...	...	...	113
Lampiran 2 : NAMA-NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN PORTUGIS HINGGA SEKARANG 1632 - SEKARANG	...	...	...	116
Lampiran 3 : PETA DAERAH ALOR GAJAH DAN WILAYAH ADAT NANING	...	...	...	118

BAB TIGA

PERUT DILIHAT DARI SEGI HIRAKI SOSIAL DAN PIMPINAN

- 3.1 : Sistem Pimpinan Tradisional.
- 3.2 : Susunan Tadbiran Adat Selepas
Kedatangan Inggeris.
- 3.3 : Hiraki Pimpinan Dalam Perut.
- 3.4 : Buapak.

PERUT DILIHAT DARI SEGI HIRAKI
SOSIAL DAN PIMPINAN

Pada dasarnya yang dikatakan pemimpin dalam Adat Perpateh itu ialah ketua-ketua adat seperti buapak, Lembaga dan Datuk Penghulu Naning. Tetapi pada praktiknya yang dikatakan pemimpin itu lebih menyeluruh termasuklah semua kaum lelaki, kerana kaum lelaki itu seperti kata perbilangan:

"pagar bagi masyarakatnya"³⁷

Dalam membincangkan konsep ini, penulis melihat dua bentuk pimpinan yang wujud dalam wilayah Adat Perpateh. Dua bentuk pimpinan itu ialah bentuk pimpinan tradisional dan keduanya bentuk pimpinan birokrasi.

3.1 : Sistem Pimpinan Tradisional.

Wilayah Adat Perpateh Naning atau Luak Naning mengandungi 22 buah mukim dalam Daerah Alor Gajah dan 3 buah mukim dalam Daerah Jasin. Wilayah Naning ini adalah diketui oleh seorang Penghulu Naning yang bergelar Orang Kaya Seri Maharaja Merah.

37. Kata-kata Nyonya binti Taib, Batu 16, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

Penghulu Naning menjalankan tugasnya dengan dibantu oleh sebuah lembaga penasihat yang bernama Tiang Isi Balai. Lembaga inilah yang menasihatkan dalam segala hal dan dalam membuat keputusan, berhubungan dengan tadbiran adat atau urusan-urusan yang berkaitan dengan adat. Lembaga ini terdiri dari orang-orang besar Naning seperti To' Lela, To' Membangun, Andika Raja, Raja Nangkaya dan Orang Kaya Kecil. Lembaga ini juga yang menentukan ganti seseorang Penghulu Naning yang telah meninggal atau yang tidak layak lagi menyandang jawatan penghulu itu.

Bagi memudahkan pentadbiran maka Wilayah Naning yang mengandungi beberapa daerah telah dibahagi pula kepada beberapa mukim. Mukim ialah sebuah unit tadbiran yang terdiri dari beberapa buah kampung dan ianya telah dicipta sejak Inggeris berkuasa di Naning. Sebelumnya pembahagian unit tadbiran kepada yang kecil dari daerah adalah tidak jelas dengan batas-batas yang tetap. Keadaan demikian ujud adalah disebabkan sistem politik dan tadbiran Adat di Wilayah Naning adalah berdasarkan unit-unit kekeluargaan dan bukan kawasan tanah atau territory seperti mana yang dimulakan oleh Inggeris. Oleh kerana unit kekeluargaan itu merupakan unit sosial maka bagi menentukan tempat-tempat unit sosial itu maka ada nama-nama kampung yang dihubungkan dengan unit sosial itu. Situasi ini dapat berlaku kerana tiap-tiap satu unit sosial adalah mendiami sebuah kampung dan unit sosial itu ialah suku.


Ketua bagi satu-satu suku ialah Lembaga yang pada masa ini dikenali sebagai Sidang. Mengikut hirarki pimpinan tradisional, Lembaga

mempunyai hubungan yang rapat dengan Penghulu Naning. Melalui Lembaga, Penghulu Naning memerintah orang-orangnya dan kepada Penghulu Naning Lembaga ini bertanggungjawab. Lembaga pula hanya berkuasa di dalam sukunya.

Seterusnya, dalam susunan kuasa adat, Lembaga adalah berkuasa di atas buapak, yang menjadi ketua perut. Jawatan buapak adalah dipegang oleh individu-individu lelaki yang dipilih dari anggota-anggota suku. Pemilihan jawatan ini adalah berdasarkan persetujuan dan muafakat antara anggota-anggota anak buah dan faktor penentu dalam pemilihan itu ialah faktor-faktor seperti seniority, pengetahuan tentang selok belok, sifat-sifat peribadi dan juga pengaruh.

Secara rajah susunan tadbiran Adat adalah:

Gambarajah 3.i : Pimpinan Tradisional Di Wilayah Adat
Perpateh Naning.



Dari gambarajah 3.1 kita dapati di puncak hirarki pimpinan itu ialah Datuk Penghulu Naning. Jawatan Datuk Penghulu Naning adalah dikira setaraf dengan jawatan Datuk Undang Luak Adat Perpateh di tempat lain seperti di Luak Rembau, Jelebu, Sungai Ujung, Johol dan Tengku Besar Tampin. Di bawah Datuk Penghulu Naning terdapat ketua satu-satu suku yang digelar sebagai Penghulu Adat atau Lembaga Adat yang dikenali sekarang sebagai Datuk Sidang. Di Luak Rembau misalnya ketua bagi satu-satu suku itu dikenal sebagai Datuk Lembaga. Di dalam satu-satu suku itu pula terdapat beberapa perut yang tidak tentu bilangannya. Ketua bagi satu-satu perut ialah buapak. Di dalam perut pula terdapat beberapa jurai yang terdiri daripada beberapa famili asas. Ketua bagi satu-satu jurai ini pula dikenal sebagai kedim (n).

3.2 : Susunan Tadbiran Adat Selepas Kedatangan Inggeris.

Tadbiran kolonial Inggeris dijalankan atas lunas birokrasi. Sistem tadbiran ini dijalankan dalam tiga peringkat iaitu:

- a. Peringkat Negeri.
- b. Peringkat Daerah.
- c. Peringkat Mukim.

Di peringkat negeri, Melaka dibahagikan kepada tiga daerah iaitu Daerah Melaka Tengah, Daerah Jasin dan Daerah Alor Gajah. Wilayah Adat Perpateh termasuk ke dalam Daerah Alor Gajah dan Daerah Jasin. Pentadbiran

di peringkat daerah dijalankan oleh seorang Pegawai Daerah. Pegawai Daerah adalah pegawai tadbir, pegawai pemungut hasil dan juga menjadi tempat perbicaraan yang tertinggi di peringkat daerah. Jadi segala kuasa pentadbiran adalah tertumpu di bawah kuasanya. Ujudnya Pejabat Daerah melucutkan kuasa executive pada Penghulu Naning.³⁸ Kampung-kampung dalam Wilayah Naning disuperimpose ke dalam mukim-mukim. Dalam lingkungan Adat Perpateh Naning dalam Daerah Alor Gajah ada 22 buah mukim. Mukim-mukim ini dibahagikan kepada enam kawasan yang tiap-tiap satunya dipegang oleh seorang penghulu mukim. Seorang penghulu mukim adalah berfungsi sebagai penyambung antara penduduk-penduduk di mukim dengan Pegawai Daerah terutamanya dalam urusan tanah.

Walaupun Penghulu Mukim bukannya satu jawatan agama yang tertakluk kepada tadbiran Majlis Ugama Islam Negeri Melaka, beliau diharapkan seperti termaktub dalam Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak tahun 1959 supaya memelihara hubungan erat dengan pegawai-pegawai agama di peringkat mukim dan kampung. Hal ini tercatat dalam bahagian III fasal 2 56(3)(t) dan bahagian IV fasal 91(b). Fasal ini menghubungkan Penghulu dengan pegawai agama seperti Imam, Khatib, Bilal dan lain-lain. Hubungan ini sebenarnya tidak membawa apa-apa yang penting cuma penghulu harus membiasakan diri dengan pegawai agama, dengan ini agak mudah baginya menemui anak buahnya yang kebiasaannya agak mudah ditemui waktu bersembahyang di masjid.

38. Mohd. Dahlan Hj. Aman, op. cit., halaman 48.

Ketika inilah urusan-urusan yang bersangkutan paut dengan tadbiran itu disampaikan.

Penubuhan mukim-mukim dan perlantikan penghulu mukim dalam struktur birokrasi telah melemahkan kedudukan ketua adat. Penghulu-penghulu mukim telah menggantikan penghulu adat. Pembasmian jawatan penghulu adat ini berlaku dalam tahun 1954 dalam mesyuarat Perundangan Negeri Melaka.

Yang menjadi penyambung antara penghulu dengan penduduk-penduduk satu-satu kampung dalam mukim ialah sidang. Kedudukan sidang dalam hubungan dengan susunan tadbiran daerah adalah dilihat sebagai kedudukan yang terhampir sekali antara Penghulu dengan orang-orang kampung. Di Alor Gajah seorang sidang itu bukanlah anggota birokrasi; hanya ia menerima elaun tahunan daripada Pejabat Daerah. Namun begitu dia masih lagi dianggap sebagai ketua kampung yang diangkat oleh orang-orang kampung dan diiktiraf oleh kerajaan. Pengiktirafan kerajaan itu terkandung di dalam surat tauliah yang diberikan kepada sidang.

Sidang adalah jawatan seumur hidup tetapi Pegawai Daerah dapat memecatnya jika sidang itu melakukan perbuatan jenayah, gila, muflis atau dia tidak lagi dipersetujui oleh anak-anak buahnya. Walaupun begitu sidang dapat juga dinasihatkan supaya bersara selepas mencapai had umur 60 tahun.

Setakat ini tidak dapat ketentuan tentang kelayakan yang tertinggi bagi jawatan sidang. Syarat yang ditetapkan untuk jawatan sidang ialah ianya mesti orang Melayu, berumur tidak kurang dari 30 tahun, beragama Islam, mempunyai pengetahuan tentang adat dan tahu membaca dan menulis. Walaupun sidang tidak diperlukan mempunyai ke-lulusan yang tinggi tetapi hubungannya dalam tugas tadbiran adalah penting kerana kedudukannya sebagai penghubung terakhir antara kerajaan melalui penghulu dengan orang ramai.

Dari pengalaman penulis hari-hari di Kampung Pegoh didapati perhubungan anak buah dengan sidang terjalin apabila timbul perkara-perkara yang ada kaitan dengan Pejabat Daerah seperti dalam hal pem-bahagian tanah. Jawatan sidang berfungsi dalam hal ini kerana jawatan sidang adalah instrumental kepada pegawai birokrasi di peringkat mukim (penghulu). Penghulu mukim tidak boleh membabitkan dirinya dengan adat akan tetapi sidang, sebagai Lembaga Adat, adalah dikira sebagai pembantu yang functional dalam hal-hal adat.

Penulis dapat melihat bahawa kedudukan sidang sebagai Lembaga Adat sering dicabar oleh anak buahnya. Dalam istiadat berkampung untuk melangsungkan perkahwinan atau untuk menyelesaikan pertelingkahan anak buah. Ketua Adat yang dipentingkan ialah kedin dan buapak. Kedin dan buapak inilah yang menjadi orang terpenting dalam menjalankan majlis-majlis sosial di peringkat kampung.

Tadbiran bentuk baru ini membawa unsur dualisma dalam bidang pimpinan di Wilayah Naning. Dalam sistem tradisional, ada ketua adat seperti Penghulu Naning, Lembaga (Sidang) dan Buapak dan dalam pentadbiran birokrasi ujud ketua-ketua baru seperti Pegawai Daerah dan penghulu mukim.

Gambarajah 3.ii : Kedudukan Dualisma Dalam Pentadbiran Selepas Kedatangan Inggeris.

PENGHULU NANING		PEGAWAI DAERAH
PENGHULU ADAT LEMBAGA ADAT	Dalam menyelesaikan masalah pembahagian harta pesaka (tanah adat dan lain-lain) Pegawai Daerah meminta nasihat Penghulu Naning.	PENGHULU MUKIM
BUAPAK	Penghulu adat dan Lembaga Adat membantu Penghulu Mukim dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan adat di peringkat kampung dan mukim.	SIDANG
STRUKTUR PERPATEH	Sidang dan buapak bekerjasama dalam menyelesaikan masalah anak buah di dalam kampung.	STRUKTUR BRITISH

Keterangan:

Gambarajah di atas dipadankan dari Mohd. Dahlan Hj. Aman "Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah Di Naning, Melaka, Latihan Ilmiah, 1968, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, halaman 50.

3.3 : Hiraki Pimpinan Dalam Perut.

Dalam sesebuah perut yang mengandungi beberapa jurai dan mempunyai bilangan anak buah yang tidak dapat dipastikan, susunan ketua adat amat jelas dilihat. Dalam struktur idealnya terdapat susunan pimpinan seperti gambarajah di bawah:

Gambarajah 3.iii : Hiraki Pimpinan Dalam Perut.



Dari gambarajah di atas, buapak merupakan puncak kekuasaan pimpinan di peringkat perut. Di bawahnya terdapat jawatan kedim yang merupakan ketua bagi sesuatu jurai.

3.4 Buapak.

Buapak adalah merupakan puncak kekuasaan ke atas semua anak buah di dalam perutnya. Pimpinan seorang buapak hanyalah di dalam lingkungan

anggota-anggota perutnya sahaja.³⁹ Ia tidak mempunyai kuasa ke atas anak buah di luar lingkungan perutnya. Ini disebabkan perut-perut yang lain mempunyai buapaknya sendiri. Jikalau banyak bilangan perut dalam satu-satu suku itu, maka demikianlah pula ramainya bilangan buapak dalam suku itu.

Jawatan buapak adalah jawatan tetap dan tidak diberikan tauliah seperti jawatan sidang. Perlantikan buapak adalah atas persetujuan majoriti anak buah dalam satu-satu perut. Ia dilantik berdasarkan tiga faktor iaitu:

- i. Orang lelaki yang beragama Islam.
- ii. Sempurna akal.
- iii. Tahu segi pentadbiran berkaitan dengan adat.
- iv. Umumnya individu itu telah berumah tangga.
- v. Mesti menjadi ahli suku berkenaan.

Dalam pemerhatian penulis di kawasan kajian, didapati buapak-buapak yang dilantik di tiap-tiap perut adalah terdiri dari orang-orang yang sudah beristeri. Ini disebabkan individu yang sudah berkahwin dianggap agak berpengalaman dalam soal-soal hidup. Namun begitu di segi adat tidaklah menghalang individu bujang bagi memegang jawatan ini, tetapi

39. J. M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cetakan Pertama, 1970, halaman 65.

dirasakan lebih baik jawatan ini dipegang oleh individu yang telah berumah tangga.

Buapak memainkan peranan penting dalam menyelesaikan soal-soal pembahagian tanah anak buahnya. Dalam konteks tanah carian iaitu tanah yang diperolehi atas perkongsian hidup suami isteri kuasa buapak dalam menentukan ompokan harta ini kepada yang berhak jelas dilihat. Mengikut adat bila suami isteri itu bercerai hidup tanah carian suami isteri adalah dibahagi di antara kedua-dua pihak. Dan dalam keadaan bila isteri meninggal, tanah carian suami isteri dipulangkan kepada suami, bila suami meninggal, tanah carian itu diserahkan kepada anak-anak mereka. Ompokan masing-masing adalah ditentukan dalam perkampungan buapak, kedin dan suku waris yang berkenaan. Jadi di sini buapak berperanan sebagai ketua dalam menentukan bahagian-bahagian harta yang diterima oleh anak buahnya itu. Perlu diingat, buapak tidak berkuasa apa-apa ke atas tanah carian. Perannya hanya menjalankan adat untuk mendatangkan muafakat anak buah.

Buapak memainkan peranan, dari segi menjalankan majlis perkahwinan di dalam perutnya. Proses-proses perkahwinan itu meliputi:

- a. Menghantar cincin pertunangan.
- b. Menghantar adat.
- c. Serah menyerah.

Dalam atur cara mengikat pertunangan (lihat bab IV) di antara wakil pihak lelaki dengan pihak perempuan, pihak lelaki akan menghantar

sebentuk cincin dan bila pihak perempuan menerima cincin pinangan itu, perjanjian dibuat oleh kedua belah pihak. Buapaklah yang menerima cincin pertunangan bagi pihak anak buahnya dan membuat perjanjian misalnya jumlah hantaran, mas kahwin dan tarikh perkahwinan dijalankan.

Pada waktu menerima adat, buapaklah yang menjadi wakil tuan rumah mengesahkan adat perkahwinan itu dan hantaran sebagaimana yang dijanjikan ketika mengikat cincin dahulu.

Dalam menyelesaikan perkahwinan anak buah bentuk lain dari biasa peranan buapak sangat penting. Dalam kes 'menyerah' buapak bagi pihak lelaki yang berkenaan akan menyelesaikan jumlah belanja dan bayaran yang dikenakan oleh pihak perempuan kepada lelaki tersebut.

Pada masa tradisional kuasa buapak dalam majlis perkahwinan sangat kuat. Majlis perkahwinan akan dibatalkan sekiranya buapak tidak hadir di majlis tersebut. Pada masa kini keadaan ini telah berubah di mana majlis tetap berjalan walaupun buapak tidak hadir. Jika buapak tidak hadir oleh sebab-sebab seperti berseteru dengan ibu bapa gadis yang dipinang atau buapak berada jauh di tempat lain dan tidak dapat hadir di dalam upacara, selalunya kedin jurai yang terlibat akan menjalankan majlis itu. Walaupun perkahwinan dapat dijalankan dengan tidak hadirnya buapak tetapi oleh sebab penduduk-penduduk berpegang kuat kepada tradisi, inisiatif-inisiatif diambil bagi membuang yang keruh dan mengambil yang jernih. Ibu bapa gadis akan membawa tapak sireh ke rumah buapak bagi mendapat penyelesaian jika ada perseteruan atau buapak berada jauh di tempat lain,

dia akan diberitahu pada tarikh yang awal supaya ia dapat melapangkan masanya bagi upacara-upacara yang akan dijalankan.

Dalam aspek politik tegasnya dalam perlantikan buapak, peranan lembaga masih ada lagi pada hari ini. Peraturan-peraturan yang ideal sudah tidak diikuti secara mutlak. Apa yang terdapat ialah anggota-anggota sesuatu perut bersetuju melantik seorang buapak. Jika anggota itu bersetuju dengan perlantikan itu ia berserta anak-anak buahnya akan pergi menyembah ke rumah lembaga dan istiadat ini adalah merupakan pengesahan perlantikan itu. Pimpinan buapak dalam satu-satu perut masih di-kira penting dan jika dilihat secara keseluruhan kuasanya jelas dilihat di aspek-aspek sosial dibandingkan dengan peranannya di aspek ekonomi dan politik.

Di bawah buapak ialah kedin. Kedin mengetuai satu-satu jurai dalam masyarakat adat perpateh. Sebenarnya kedin ini tidak tentu bilangannya dan tidak dilantik seperti buapak kerana secara otomatis bapa saudara iaitu mother's brother bagi satu-satu famili (hanya orang-orang lelaki) layak memegang jawatan ini.

Dalam satu-satu kampung yang terdiri daripada beberapa suku terdapat beberapa orang kedin. Biasanya Kedin mestilah memahami adat istiadat yang biasa dilakukan pada masa satu-satu famili mengadakan majlis sosial seperti perkahwinan. Di peringkat jurai, kedinlah dianggap sebagai pemandu dalam adat istiadat.

Di antara tanggungjawab seseorang kedin itu termasuklah menguruskan kerja-kerja kenduri kendara seperti semenda menyemenda, menyelesaikan konflik di kalangan ahli-ahli keluarga seperti berhubung dengan harta pesaka dan menjaga perhubungan berbaik-baik sangka dalam famili. Kalau satu-satu masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh kedin diperingkat famili misalnya dalam pembahagian harta pesaka, kedin mestilah membawa masalah tersebut kepada buapak. Sekiranya buapak tidak dapat menyelesaikan barulah perkara ini dirujuk kepada sidang.

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
2. Chander R., Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, April 1971.
3. Che Uda Che Nik, "Struktur Sosial Dan Ekonomi Di Wilayah Adat Perpatih Naning 1900 - 1940", Latihan Ilmiah 1973, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Cyril S. Blashaw, The Traditional Exchange and Modern Markets, Prentice-Hall 1965.
5. Datuk Samad Idris, "Benarkah Demokrasi Bermula Di Minangkabau", Dewan Masyarakat, Jun 1974.
6. de Jong P.E. de J., Minangkabau and Negeri Sembilan, (Socio Political Structure in Jelebu), Bharata, Djakarta, 1960.
7. Fox R., Kinship and Marriage, A Pelican Original, Penguin Book Ltd. England.
8. Gehard Lensky, Human Societies, Mc Graw-Hill Book Company, 1970.
9. Gullick J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cetakan Pertama.
10. Hooker M.B., Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
11. Innes, "Notes On Naning Customs", Suratan Harvey MSS SP 16/2/6 - 5 July, 1892, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
12. Kahar Bador, Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan, (unpublished typescript thesis submitted for the degree of Master of Arts in the Department of Anthropology), Londoh School of Economic, University of London.
13. Mohamed Din Ali, Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, The Economy Printers Ltd., Kuala Lumpur.

14. Mohamed Din Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol. 2, No. 2, Malaysian Sociological Institute Ltd., Singapore.
15. Mohd. Dahlan Hj. Aman, "Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah Di Naning - Melaka, Latihan Ilmiah 1968, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
16. Mokhzani B.A.R., The Study of Social Stratification and Mobility in Malaya, University of Malaya, Reprinted for East Asia Culture Studies, March, 1965.
17. Nordin Selat, "Pimpinan Dalam Adat Perpatih", Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
18. Norhalim bin Ibrahim, "Kekeluargaan Dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa Di Rembau", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
19. Notes and Queries on Social Anthropology, Routledge and Kegan Paul, London, 65h. ed. reprint 1960.
20. Radcliffe - Brown A.R. & D. Fordes (eds), African Systems of Kinship and Marriage, Oxford University Press, London 1958.
21. Ramsay A.B., "Notes On The Kampong Official in The Alor Gajah District of Malacca, 1932 - 1935, JMBRAS, Vol. xxiii, Pt. iii 1950.
22. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam, Djakarta, 1960.
23. Suratan Harvey, Notes On Naning Customs, SP 16/2/17, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
24. Swift M.G., Malay Peasant in Jelebu, London School of Economic, Monographs of Social Anthropology, No. 29, The Athlone Press, London, 1965.
25. Syed Husein Ali, Pattern of Rural Leadership in Malaya, Report of Research Carried Out Under The Sponsorship of UNESCO Research Center University Evclave Delhi, India.
26. Zainal Kling, "Sistem Penghulu Di Daerah Alor Gajah Melaka", Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
27. Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara", Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN I

ATURAN HUKUM BUNUH

dikatakan oleh

Tengku Antah Yamtuan Serimenanti
Suratan Harvey, MSS. SP.16/2/14.

Cincang Pampas (ertinya orang yang melukai seseorang itu mahulah memberi seekor kerbau dan disembelih dan dimakan beramai-ramai dan kain 20 hasta akan pelilit yang luka itu) berdamailah.

Bunuh beri balas (ertinya sipembunuh membayar denda atau menyerahkan dirinya kepada waris yang terbunuh itu dan masuklah ia ke suku itu).

"Ini fasal hukum denda atas sipembunuh".

- 1) Jika Raja menghukum 66 kupang setahil 'Japita' (dibilangan ringgit menjadi \$28), iaitu di atas seorang yang membunuh orang dalam kampung Raja.
- 2) Jika penghulu menghukum sebahara (\$14).
- 3) Jika lembaga menghukum 20 serpi (\$7)

Jikalau sekiranya tidak mendapat kenyataan am siapa yang membunuh itu tetapi ada cedera hati pada seseorang maka Raja boleh meletakkan hukuman 66 kupang itu (28) pada tiap sebuah rumah yang berkeliling dekat orang yang terbunuh itu. Supaya jika mereka takut membayar denda itu, tentulah dikeluarkannya rahsia itu, dan jika tiada dikhabarkan rahsia itu, wajiblah ia membayar denda itu. Tetapi adatnya jikalau orang-orang yang akan kena denda itu pergi mendapatkan penghulu, maka bolehlah penghulu membayarkan denda itu separuh sahaja.

Demikianlah juga kalau salah kepada penghulu, boleh pula lembaga membayarkan denda itu separuh dan salah kepada lembaga, ketua suku boleh membayar separuh.

Adat dan hukum yang diamalkan pada zaman
tua-tua - Adat Perpateh

- A. 1. Berjuang naik
2. Bertangga turun.

Ertinya (1) Kesalahan anak buah yang tidak terbicara oleh Lembaga, dihadapkan kepada Undang (Penghulu) dan jika tidak terputus olehnya dibawa kepada keadilan (Raja).

(2) Apabila raja hendak menghukum/denda di atas seseorang rakyat maka terlebih dahulu ditibakan hukum itu kepada undang dan daripada undang itu dijatuhkan pula kepada lembaga, maka lembaga-lah menyampaikan hukum itu kepada anak buahnya.

- B. (I) Tali pengikat pada Raja (II) Keris penyalang kepada Undang, (III) Pedang pemancung kepada keadilan.

Ertinya: Anak buah yang bersalah itu diikat oleh lembaga, dihadapkan kepada undang, maka disalanglah oleh undang, jika tidak terputuskan bicara itu oleh undang, maka disembahkan kepada keadilan, Rajalah memancungnya.

- C. Perkara yang boleh dijatuhkan hukum bunuh:

- (I) Sumbang Salah (II) Upas Racun (III) Rumbun Bakar
(IV) Derhaka Celaka (V) Melesih Memotong.

- (I) Seorang yang berzina dengan saudara atau sukunya.
(II) Seorang yang memberi makan racun akan seseorang.
(III) Seorang yang membunuh lembaga.
(IV) Seorang yang mengenakan seseorang dengan aniaya hikmat hantu syaitan.

Itulah sahaja yang boleh dihukum bunuh. Tetapi jika seseorang salah itu terlepas daripada hukuman bunuh, itulah maknanya melarikan darah mati. Umpamanya jika tidak sempat ia masuk ke dalam kampung Raja, dicampakkan sahaja sepotongan kepalanya itu ke dalam pagar Raja, maka terlepaslah juga itu daripada hukuman mati itu, melainkan jadi orang dalam (hamba raja) selama-lamanya, dan jikalau dibunuh juga ia oleh sesiapaupun, maka di belakan oleh Raja 7 orang kepada waris yang membunuh itu.

- D. Adapun hukuman atas tikam bunuh, Samun samar, maling curi, dan sebagainya itu didenda dengan ringgit sahaja, iaitu dibawa orang salah itu oleh lembaga kepada undang maka jika kesalahan membunuh orang, maka dilacurkan oleh undang akan yang salah itu kepada pihak waris yang terbunuh, masuklah ia ke suku itu, ganti simati, maka waris pihak yang salah itu membayar hukum denda, kepada lembaga 20 emas (\$7) dan kepada undang sebahara (\$14) dan kepada Raja 66 kupang (\$28).

Tetapi bolehlah dengan mufakat, dibayarkan oleh lembaga akan denda itu kepada lembaga separuh sahaja dan yang separuh itu didapati oleh lembaga dan undang pun boleh juga membayar denda itu kepada Raja, separuh dan yang separuh itu undang mendapatnya.

Ada kala pula lembaga menghukum atas kesalahan anak buahnya dalam diam-diam sahaja, jika tiada diketahui oleh raja dan penghulu habislah begitu sahaja perkara itu. Tetapi jika diketahui oleh raja

atau penghulu, maka dikumpulkanlah pula akan orang salah itu, sebagaimana hukuman yang telah diadatkan itu, demikian lagi kalau penghulu menghukum diam-diam sahaja, itupun boleh raja menghukum sekali lagi akan orang salah itu.

Dan lagi jikalau orang yang bertikam, maka mati seorang, dan jika ketika itu dibela oleh waris yang mati itu dan mati pula yang menikam dahulu itu, tiadalah apa lagi perkaranya, melainkan kedua pihak waris itu membayar hukum denda kepada lembaga undang dan keadilan, bagaimana yang sudah diadatkan.

Sekian.

LAMPIRAN II

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN
PORTUGIS HINGGA SEKARANG
1632 - SEKARANG

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Siroja Merah	Biduanda	1632 (1052)
2. Datuk Siroja Merah II	Biduanda	TIDAK DIDAPATI
3. Datuk Juara Megat	Semelenggang	"
4. Datuk Gegah	"	"
5. Datuk Maulana Garang	"	"
6. Datuk Janggut	"	"
7. Datuk Timba	"	"
8. Datuk Anjak	"	"
9. Datuk Dol Said	"	-

DIPETIK DARI ABDULLAH B. ABDUL KADIR MUNSHI,
THE HIKAYAT ABDULLAH, A.H.HILL, JMBRAS, 1955,
VOL. 28, PT. III, KUALA LUMPUR, 1970 HAL. 355.

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SELEPAS 1832

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>PERUT</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Idas	Semelenggang	3	1834-1870
2. Datuk Mohd. Salleh	"	1	1870-1895
3. Datuk Ranting	"	2	1895-1900
4. Datuk Hassan	"	-	1900-1916
5. Datuk Umar	"	-	1917-1922
6. Datuk Osman Kering (Pada mulanya Datuk Arshad Pangku)	"	2	1925-1941
7. Datuk Che'lah	"	2	1946-1951
8. Datuk Mohd. Shah	"	3	1953-

PETIKAN DARI SHAHBA, PUSTAKA NANING,
KUALA PILAH, 1951 HALAMAN 55 - 60.

LAMPIRAN III

